Tarikh warta: 27.7.1978

**P.U. (A) 217.**

# AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

### STATUT UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (KEANGGOTAAN DAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN FAKULTI) 1978

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Canselor Universiti Pertanian Malaysia membuat Statut yang berikut: *P.U. (A) 409/76.*

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pertanian Malaysia (Keanggotaan dan Kewajipan-kewajipan Fakulti) 1978.** Nama.

2. Dalam Statut ini— Tafsiran.

"Dekan", berkenaan dengan sesuatu Fakulti, ertinya Dekan atau ketua Fakulti itu;

"Fakulti" termasuklah Yayasan atau Pusat yang bukan sebahagian daripada sesuatu Fakulti;

"Ketua Jabatan" ertinya seseorang yang dilantik sebagai Ketua Jabatan oleh Naib Canselor dan termasuklah seseorang yang menurut ketetapan Senat disifatkan sebagai Ketua Jabatan bagi maksud Statut ini; dan

"Timbalan-timbalan Dekan", berkenaan dengan sesuatu Fakulti, ertinya Timbalan-timbalan Dekan atau timbalan-timbalan ketua Fakulti itu.

3. (1) Tiap-tiap satu Fakulti hendaklah terdiri daripada— Keanggotaan.

(*a*) Dekan yang akan menjadi Pengerusi;

(*b*) Timbalan-timbalan Dekan;

(*c*) Profesor-profesor dan Ketua-ketua Jabatan dalam Fakulti itu;

(*d*) Reader, Profesor Madya dan Pensyarah dalam perjawatan tetap yang diuntukkan kepada Fakulti itu;

(*e*) mana-mana kakitangan Universiti atau orang lain yang dilantik oleh Senat menjadi ahli Fakulti itu secara tetap atau untuk sesuatu penggal yang ditentukan.

(2) Naib Canselor hendaklah menjadi ahli tiap-tiap satu Fakulti.

(3) Pendaftar Universiti atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha tiap-tiap satu Fakulti.

4. (1) Tarikh, tempat dan ajenda mesyuarat-mesyuarat Fakulti hendaklah ditetapkan oleh Dekan dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Fakulti itu; Mesyuarat.

Dengan syarat bahawa tiap-tiap Fakulti hendaklah pada lazimnya bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap satu semester.

(2) Jika Dekan tidak hadir pada sesuatu mesyuarat Fakulti, maka mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh seorang ahli Fakulti itu yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Dekan, dan jika ahli yang diberikuasa itu tidak hadir atau jika Dekan tidak memberikuasa bagi maksud itu kepada mana-mana ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh seorang ahli yang dipilih oleh ahli-ahli yang hadir.

(3) Korum untuk mesyuarat-mesyuarat Fakulti ialah satu pertiga daripada jumlah keanggotaan Fakulti.

(4) Setiausaha Senat boleh turut hadir dalam mesyuarat-mesyuarat Fakulti.

Pengedaran minit-minit mesyuarat.

5. Minit-minit mesyuarat Fakulti hendaklah diedarkan kepada Senat.

Kewajipan Fakulti.

6. Sesuatu Fakulti hendaklah bertanggungjawab kepada Senat atas penyusunan pengajaran dalam perkara-perkara pengajian dalam bidangkuasa Fakulti itu dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan lain yang ditetapkan oleh mana-mana Statut atau diberikan kepadanya oleh Senat.

Dibuat pada 30hb Jun 1978.
[UPM/P/2.02 (12); PN. (PU²) 75E.]

TENGKU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH AL-HAJ,
*Canselor,*
*Universiti Pertanian Malaysia*

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

### CONSTITUTION OF THE UNIVERSITY AGRICULTURE MALAYSIA

### UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (COMPOSITION AND DUTIES OF FACULTIES) STATUTE 1978

*P.U. (A) 409/76.*

IN exercise of the powers conferred by section 26 of the Constitution of the University Agriculture Malaysia, the Chancellor of the Universiti Pertanian Malaysia makes the following Statute:

Citation.

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pertanian Malaysia (Composition and Duties of Faculties) Statute 1978.**

Interpretation.

2. In this Statute—

"Dean", in relation to a Faculty, means the Dean or head of the Faculty;

"Faculty" includes an Institution or a Centre which is not a part of any Faculty;

"Head of Department" means a person who is appointed as Head of Department by the Vice-Chancellor and includes a person who by resolution of the Senate is deemed to be a Head of Department for the purpose of this Statute; and

"Deputy Deans", in relation to a Faculty, means the Deputy Deans or deputy heads of the Faculty.

Composition.

3. (1) Each Faculty shall consist of—

(*a*) the Dean who shall be Chairman;

(*b*) the Deputy Deans;

(*c*) Professors and Heads of Department in the Faculty;

(*d*) Readers, Associate Professors and Lecturers on the permanent establishment allocated to the Faculty;

(*e*) such members of the University staff or other persons as may be appointed by the Senate to the Faculty either permanently or for a specified term.

(2) The Vice-Chancellor shall be a member of each Faculty.

(3) The University Registrar or his representative shall act as Secretary to each Faculty.

Meetings.

4. (1) The dates, venues and agenda for the meetings of each Faculty shall be determined by the Dean and the meetings shall be called by the Secretary to the Faculty;

Provided that every Faculty shall ordinarily meet at least once in each semester.

(2) In the absence of the Dean at any meeting of a Faculty the meeting shall be presided by a member of the Faculty authorised for this purpose by the Dean, and in the absence of the member so authorised or where the Dean has not so authorised any member, the meeting shall be presided by a member elected by the members present.

(3) The quorum for the meetings of a Faculty shall be one-third of the total membership of the Faculty.

(4) The Secretary to the Senate may attend meetings of the Faculty.

Circulation of minutes of meetings.

5. The minutes of meetings of each Faculty shall be circulated to the Senate.

Duties of the Faculty.

6. A Faculty shall be responsible to the Senate for the organisation of instruction in the subjects of study within the purview of the Faculty and shall perform such other duties as may be prescribed by any Statute or assigned to it by the Senate.

Made the 30th June 1978.
[UPM/P/2.02 (12); PN. (PU[2]) 75E.]

TENGKU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH AL-HAJ,
*Chancellor,*
*Universiti Pertanian Malaysia*

**P.U. (A) 218.**

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

### STATUT UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (PEMBAHAGIAN UNIVERSITI KEPADA FAKULTI, YAYASAN DAN PUSAT) 1978

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Canselor Universiti Pertanian Malaysia membuat Statut yang berikut: *P.U. (A) 409/76.*

Nama.

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pertanian Malaysia (Pembahagian Universiti kepada Fakulti, Yayasan dan Pusat) 1978.**

Tafsiran.

2. Dalam Statut ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"Pusat" ertinya sesuatu Pusat yang bukan sebahagian daripada sesuatu Fakulti; dan

"Yayasan" ertinya sesuatu Yayasan yang bukan sebahagian daripada sesuatu Fakulti.

Fakulti, Yayasan dan Pusat.

3. (1) Universiti hendaklah dibahagi kepada Fakulti, Yayasan dan Pusat yang berikut—

(i) Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani;

(ii) Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan;

(iii) Fakulti Kejuruteraan Pertanian;